



AKTA MAKANAN HAIWAN 2009
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA



SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN
TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Bil	Perkara	Catatan
1.	Salinan Kad Pengenalan (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon) Pemohon hendaklah mempunyai liabiliti dalam syarikat; & merupakan warganegara Malaysia Sila beri salinan yang jelas.	
2.	Salinan MAA (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon) Sila lampirkan salinan Memorandum and Articles of Association bagi syarikat Sdn Bhd. Bagi syarikat selain Sdn Bhd seperti Enterprise, sila lampirkan SSM, Form 49 diperlukan sebagai sokongan keatas jawatan pemohon sebagai pengarah.	
3.	Senarai Pintu Masuk Sila rujuk (SENARAI PINTU MASUK DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN DAN KUARANTIN MALAYSIA 2011).	
4.	Penyata Negara Asal (Certificate of Origin) Sijil ini hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkenaan/berkaitan negara asal pengeport (Kerajaan). Sila beri salinan asal. Free Sale Certificate (FSC) boleh diguna sebagai COO. FSC hendaklah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten negara asal. Sila beri salinan asal	
5.	Spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (Certificate of Analysis) Sila beri salinan asal. Spesifikasi/ sijil analisis hendaklah: i. Disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten (Kerajaan Negara asal) nama, jawatan dan alamat agensi pegawai pengesah diperlukan; ATAU ii. Dikeluarkan oleh makmal kerajaan Negara asal (sesalinan sijil pengiktirafan sebagai makmal kerajaan hendaklah disertakan); ATAU iii. Dikeluarkan oleh makmal pihak ketiga Negara Asal yang mendapat persijilan ISO 17025(sesalinan sijil akreditasi makmal ISO 17025 hendaklah disertakan)	
6.	Penyata pengilangan 6.1 Process flow penghasilan item dengan menerangkan cara pembuatan serta bahan mentah (raw material) yang digunakan. 6.2 Satu penyataan deklarasi daripada pihak pengeluar bahawa item yang diimport samada mengandungi atau tidak unsur tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma	
7.	Penyata pembungkusan Gambar bungkusan, tepi, depan dan belakang. Gambar hendaklah berwarna dan jelas.	

Bil	Perkara	Catatan
8.	<p>Penyata pelabelan</p> <p>Gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan - Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012.</p> <p>Sekiranya item diimport secara pukal, satu pernyataan pelabelan perlu dicetak pada sehelai kertas dan disertakan bersama permohonan lesen mengimport. Ia juga perlu disertakan bersama konsainan semasa pengangkutan.</p> <p>Pernyataan pelabelan perlu mengandungi perkara tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) jenama produk; (b) negara pembuat; (c) jenis haiwan yang dirujuk dan tujuan penggunaan; (d) nama dan alamat pembuat termasuk pengimport, pengedar tunggal atau pengeluar; (e) jenis ramuan mentah; (f) sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk "MENGANDUNGI (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini; (g) kandungan nutrien; (h) nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan; (i) takat pemasukan hormon; (j) nama dagang bahan aktif bagi bahan kimia lain; (k) berat bersih (l) tarikh pembuatan dan tarikh luput 	
9.	<p>Penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-Akta lain yang berkaitan.</p> <p>9.1 Produk Biologik [probiotik, yis, enzim, hormon, vaksin], dokumen yang diperlukan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> 9.1.1 Surat lantikan sebagai pengimport sah daripada syarikat pengeluar ; dan 9.1.2 Salinan sijil GMP/FAMI-QS atau mana-mana sijil pengiktirafan kepada syarikat pengeluar <p>9.2 Produk yang mengandungi asas haiwan (selain ikan) memerlukan satu salinan surat kelulusan daripada Seksyen Kuarantin dan Import Eksport, DVS.</p>	